

30/07/1998

Mahathir mulakan lawatan ke Mozambique

Mahfar Ali in Maputo

MAPUTO, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi sambutan penuh tradisi dan meriah setibanya di sini, hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke Mozambique, negara terakhir dalam siri lawatannya ke tiga negara Afrika.

Perdana Menteri yang tiba di sini selepas menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 98 di Swakopmund, Namibia, berakhir semalam, menjadi Perdana Menteri Malaysia pertama membuat kunjungan rasmi ke Mozambique.

Beliau yang sebelum itu turut mengadakan lawatan kerja dua hari ke Afrika Selatan, diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie; Timbalan Menteri Luar, Datuk Leo Michael Toyad serta sekumpulan ahli perniagaan.

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini kira-kira jam 2 petang, disambut Presiden Mozambique, Joaqium Alberto Chissano.

Serentak itu, 19 das tembakan dilepaskan dan lagu kebangsaan kedua-dua negara turut dimainkan. Perdana Menteri juga memeriksa barisan pengawal kehormat.

Upacara sambutan itu juga dimeriahkan dengan tarian tradisional dan sekumpulan pelajar yang mengibarkan bendera.

Dr Mahathir dan delegasi Malaysia petang ini mengadakan mesyuarat dengan Chissano di Pejabat Presiden sebelum diraikan pada majlis jamuan negara di Istana Presiden, malam ini.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, selain membalas lawatan Chissano ke Kuala Lumpur, tahun lalu, kunjungan ini diharap dapat mengeratkan lagi semangat persaudaraan dan menguatkan ikatan persahabatan kedua-dua negara.

Lawatannya juga, kata Dr Mahathir, bertujuan memperingati perjuangan pemimpin Mozambique sebelum ini, Samora Michael dan Eduardo Mondlane, yang banyak berkorban untuk membebaskan negara ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sentiasa menganggap Mozambique sebagai sahabat dan sedia berkongsi kegembiraan serta kesulitan yang dihadapi negara itu.

Dr Mahathir juga gembira kerana Mozambique kini kembali aman serta bersatu hingga membolehkan ekonomi negara ini pulih di bawah pimpinan Chissano.

Chissano menggantikan Samora Machel, iaitu Presiden pertama Mozambique yang meninggal dunia dalam satu kejadian pesawat terhempas pada 1986. Mozambique mendapat kemerdekaan dari pada Portugal pada 1975.

Malaysia turut memainkan fungsi membawa keamanan di Mozambique dengan menghantar pasukan tentera berkhidmat menerusi operasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1992.

(END)